

**Bilik khas  
sembahyang  
dirancang  
di sekolah**

13/18 APR 1975  
**K**UALA LUMPUR, Kha-  
mis. — Kementerian  
Pelajaran bercadang me-  
ngadakan sebuah bilik  
sembahyang di tiap-tiap  
sekolah yang baru didi-

rikan atau bangunan se-  
kolah tambahan.

Menteri Pelajaran Dr.  
Mahathir Mohamed  
memberitahu bilik terse-  
but sama besarnya se-  
perti bilik darjah biasa.

Beliau menyatakan de-  
mikian dalam jawapan  
bertulis kepada Senator  
Haji Mohd. Amin bin  
Haji Yaakub yang ingin  
tahu sama ada benar  
Kementerian Pelajaran  
bercadang mengadakan  
bilik sembahyang leng-  
kap dengan kemuda-  
han di sekolah.